

Fonologi Bahasa Sungai di Sabah

ABDUL HAMID AHMAD



Fonologi Bahasa Sungai di Sabah

ABDUL HAMID AHMAD

Fonologi bahasa sung



SAB00006879

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur
1993

HADIAH IKHLAS DBP/

KK 417-6474 4101

Buku ini adalah hasil daripada Projek Biaya Penyelidikan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah.

Cetakan Pertama 1993

© Abdul Hamid Ahmad 1993

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-
Penerbitan

Abdul Hamid Ahmad

Fonologi bahasa sungai di Sabah /
Abdul Hamid Ahmad.

Bibliografi: hlm. 113-116

ISBN 983-62-3720-8

1. Sungai language — Phonology. I. Judul
499.2315

Diatur Huruf oleh Citra Publishing Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Palatino

Saiz Taip Teks: 10/12 poin

Dicetak oleh

Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka

Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS

Ampang/Hulu Kelang

Selangor Darul Ehsan

RM10.00

ABDUL HAMID AHMAD

KANDUNGAN

<i>PENGANTAR</i>	<i>vii</i>
1. Sabah: Masyarakat dan Bahasanya	1
2. Fonem Bahasa Sungai	16
3. Bunyi-bunyi Vokal Bahasa Sungai	31
4. Bunyi-bunyi Konsonan Bahasa Sungai	41
5. Ciri-ciri Suprasegmental Pada Fonem	61
6. Distribusi Fonem	69
7. Fonem Rangkap	92
8. Suku Kata	103
<i>BIBLIOGRAFI</i>	<i>113</i>
<i>INDEKS</i>	<i>117</i>

PENGANTAR

Sabah seperti juga Sarawak dan Semenanjung Malaysia, mempunyai kadar kepelbagaian bahasa yang tinggi. Sehingga kini tidak dapat dipastikan jumlah bahasa bumiputera Sabah yang sebenarnya. Hal ini disebabkan tidak adanya kepastian, di manakah penghujung garis pemisah dialek dan di manakah bermulanya garis bahasa yang baharu.

Buku *Fonologi Bahasa Sungai di Sabah* yang ditulis oleh Saudara Abdul Hamid Ahmad ini, menambahkan lagi maklumat kita tentang kedudukan sesuatu sistem pertuturan di Sabah sama ada dialek atau bahasa. Dalam hal ini, Saudara Abdul Hamid telah membuktikan kepada kita bahawa apa yang kita selama ini menganggap sebagai bahasa Orang Sungai, bahasa Paitan dan bahasa Tambanua adalah bahasa yang sama. Tegasnya, apabila kita melihat dari kaca mata linguistik, kita dapat mengatakan bahawa sistem pertuturan Orang Sungai, Paitan dan Tambanua adalah tiga dialek yang berbeza dari satu bahasa.

Saya sendiri telah membuat kajian tentang sistem pertuturan Orang Paitan yang bermastautin di Papar pada akhir tahun 70-an dahulu. Sistem pertuturan berkenaan saya namakan "bahasa Paitan" dan merupakan salah satu bab dalam buku saya *The Malay Peoples of Malaysia and Their Languages* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada tahun 1983. Dengan penyelidikan dan kenyataan daripada Saudara Abdul Hamid, maka jelaslah kepada kita kedudukan sistem-sistem pertuturan bahasa yang berkenaan.

Usaha Saudara Abdul Hamid boleh dianggap sebagai kajian permulaan bagi bahasa Orang Sungai. Usaha beliau seharusnya

dilanjutkan ke arah penyelidikan yang lebih mendalam tentang berbagai-bagai aspek bahasa berkenaan. Usaha yang seperti ini bukan sahaja memberikan kefahaman tentang aspek-aspek bahasa tersebut dan hubungan bahasa berkenaan dengan bahasa-bahasa yang sekeluarga, tetapi juga dapat membantu dalam menyuburkan perkembangan bahasa Melayu, terutama sekali dari segi perbendaharaan katanya.

Asmah Haji Omar

Profesor Linguistik Melayu dan Pengarah Pusat Bahasa
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

SABAH: MASYARAKAT DAN BAHASANYA

Pendahuluan

Adalah diakui bahawa pengetahuan umum tentang negeri Sabah agak rendah. Meskipun negeri yang dikenali sebagai British North Borneo sebelum tahun 1963 dan di kalangan pelancong-pelancong dikenali sebagai Negeri di Bawah Bayu mempunyai keluasan 73 711 kilometer persegi, namun penduduk yang menghuni negeri ini hanyalah berjumlah kira-kira 1.8 juta orang. Walaupun demikian sesuatu yang menarik terdapat dalam negeri ini kerana penduduk yang sejumlah itu mempunyai bilangan suku kaum yang banyak iaitu 53 suku kaum yang menurut Yap Beng Liang (1978: 59) berbeza pula dari segi latar belakang, adat istiadat, bahasa dan kegiatan.

Di kalangan penduduk bumiputera itu, suku kaum Dusun/Kadazan merupakan penduduk yang terbanyak, iaitu 28.2%. Kebanyakan mereka bertumpu di bahagian pantai barat utara, khususnya di daerah Kudat, Tuaran, Ranau, Penampang dan Tambunan. Mereka menjadi penanam padi yang utama. Golongan bumiputera yang kedua besar jumlahnya adalah suku kaum Bajau iaitu 11.7% daripada jumlah penduduk negeri Sabah. Kebanyakan mereka menetap di pantai barat utara, pantai barat selatan dan Tawau, khususnya di daerah Papar, Kota Belud, Semporna dan Tuaran. Mereka bekerja sebagai peniaga, petani dan nelayan. Suku kaum Murut merupakan penduduk bumiputera yang ketiga besar jumlahnya, iaitu 4.78% daripada jumlah besar penduduk negeri Sabah. Kebanyakannya terdapat di bahagian pedalaman khususnya di daerah Tenom, Keningau,

Pensiangan dan Nabawan. Menurut F.G. Whelan (1962), suku kaum ini masih menggunakan sistem pertanian tradisional, iaitu pertanian pindah atau *shifting cultivation*.

Penduduk bumiputera Sabah termasuk dalam kelompok Austronesia, iaitu daripada kelompok Negrito dan Austroloid yang meninggalkan Tanah Melayu bersama-sama penduduk Austronesia yang lain selepas zaman air batu, iaitu kira-kira 2,500 – 5,000 tahun yang lalu. Kelompok ini termasuk dalam kelompok bangsa Dolikosefalik Indonesia yang terdapat di kepulauan Indonesia (Asmah Haji Omar 1983: 37). Owen Rutter (1929) dalam bukunya *The Pagans of North Borneo* mengatakan bahawa penduduk Dusun dan Murut di Sabah adalah daripada sekelompok orang pendatang yang berasal dari tanah besar Asia, iaitu sejenis bangsa Indonesia (Yap Beng Liang 1978: 80). Lee Yong Leong (1970) menyatakan bahawa kaum Dusun serta beberapa kaum lain yang ditemui di daerah pedalaman Sabah mungkin mewakili zuriat kelompok tersebut. Hal ini disebabkan mereka masih mengamalkan amalan pertanian ladang yang menggunakan peralatan batu dan penugal (Asmah Haji Omar 1983: 37).

Bukti-bukti arkeologi boleh didapati di pelbagai tempat di Sabah dan Sarawak tentang kewujudan penduduk bumiputera pulau Borneo yang terawal ini. Walau bagaimanapun, peninggalan tamadun purba yang terdapat di negeri Sabah adalah sedikit jika dibandingkan dengan yang terdapat di Sarawak (Asmah Haji Omar 1983: 14).

Walaupun demikian, menurut Tom Harrison (1921) kebudayaan Hoabinhian tidak secara langsung sampai ke pulau Borneo. Hal ini terjadi kerana bukti-bukti yang terdapat di pulau Borneo hanya dikesan pada zaman praneolitik, yakni 10 000 tahun yang lalu (Asmah Haji Omar 1983: 370).

Artifak terawal yang bertarikh 9000 S.M. ditemui di Agop Atas, Gua Madai di timur laut pesisir pantai Sabah yang menghala ke Laut Sulu. Manakala peninggalan kebudayaan zaman neolitik atau zaman logam awal yang bertarikh 8500 S.M. telah dijumpai di Pusu Lumut, Gua Tapadong dan di Sungai Segama (Asmah Haji Omar 1983: 15). Kedua-dua tarikh tersebut, walaupun bertindan mungkin sama. Hal ini membayangkan kehadiran manusia praneolitik di Borneo Utara kira-kira 10 000 tahun yang lalu atau mungkin lebih lama daripada

itu (Asmah Haji Omar 1983: 16).

Penduduk terawal ini pada mulanya membuat penempatan di pesisir pantai dan di muara-muara sungai. Tetapi kedatangan penghijrah yang terkemudian telah memaksa mereka berpindah ke daerah pedalaman untuk mencari keselamatan. Hal ini berlaku demikian kerana penghijrah yang terkemudian ini lebih bertamadun dan gagah serta mempunyai kelengkapan senjata yang lebih moden.

Perubahan sentiasa berlaku. Manusia terus dihanyutkan oleh pelbagai peristiwa yang silih berganti. Kedatangan Islam ke Asia Tenggara telah membawa nafas baru dan perubahan pada kepercayaan dan amalan hidup masyarakatnya. Masyarakat yang menganut fahaman animisme kemudiannya menganut fahaman baru yang dibawa oleh Islam yang sesuai dengan jiwa dan amalan hidup mereka.

Namun begitu, telah menjadi fenomena biasa yang sering berlaku di kalangan masyarakat iaitu ada yang menerima fahaman baru itu dengan mudah dan rela hati dan ada pula enggan menerimanya kerana masih menganggap kepercayaan lama yang mereka anuti masih unggul.

Keadaan seumpama ini telah berjaya membahagikan penduduk peribumi Sabah kepada dua golongan utama, iaitu Melayu dan Ida'an (Asmah Haji Omar 1983: 37). Penduduk Islam kebanyakannya menetap di kawasan pesisiran pantai. Golongan ini terdiri daripada kaum Bajau atau Sama (kedua-dua Bajau Laut dan Bajau Darat), Suluk, Iranun, Ubian, Binadan dan Kedayan. Manakala kaum Ida'an pula menetap di kawasan pergunungan, daerah pedalaman. Kedatangan Islam telah mengubah kepercayaan dan amalan kaum Pagan ini kepada Islam. Orang Sungai dan Idahan adalah penganut agama Islam terawal daripada golongan ini (Asmah Haji Omar 1983: 37).

Walau bagaimanapun, istilah Idahan tidak harus disalahtafsirkan dengan istilah Ida'an yang digunakan oleh kaum Bajau bagi menamai golongan Pagan di Sabah (Asmah Haji Omar 1983: 37). Menurut Tom dan Barbara Harrison (1969 – 70) istilah Idahan ini merupakan istilah lama yang digunakan oleh penduduk tempatan untuk merujuk kepada golongan tertentu (Asmah Haji Omar 1983: 38).

Namun demikian, pengelompokan itu tidak mempunyai justifikasi linguistik (Asmah Haji Omar 1983: 38). Hal ini

disebabkan suku kaum Lotud dan Rungus yang dianggap sebagai kaum bumiputera yang lain, secara linguistik kaum tersebut termasuk dalam kelompok Dusun/Kadazan. Kaum Bajau pula mengandungi Bajau dan Iranun tanpa garis pemisah yang jelas di antara Bajau Laut dengan Bajau Darat. Manakala kaum Brunei dan Kedayan yang masih menggunakan bahasa Melayu dianggap terpisah daripada orang Melayu (Asmah Haji Omar 1983: 38).

Setiap kaum peribumi Sabah yang dinyatakan itu mempunyai bahasa etniknya sendiri. Bahasa-bahasa etnik itu pula unik dan keunikan itu menyebabkan sesuatu kaum itu tidak dapat berkomunikasi dengan suku kaum lain, kecuali jika bahasa pertuturan etnik di antara suku-suku kaum itu mempunyai banyak persamaan yang boleh disesuaikan bunyinya dan tidak menimbulkan salah faham (Jamdin Buyong 1984: 1). Suku kaum Dusun/Kadazan tidak dapat berkomunikasi dengan suku kaum Bajau dengan menggunakan bahasa etnik masing-masing. Demikian juga halnya dengan suku kaum Murut, mereka tidak dapat berkomunikasi dengan suku kaum Orang Sungai dengan menggunakan bahasa etnik masing-masing, melainkan dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi.

Bahasa-bahasa etnik itu mempunyai keluarga bahasanya dan setiap bahasa itu mempunyai subkeluarganya. Secara umum, bahasa-bahasa etnik di Sabah ini terkelompok dalam lima keluarga bahasa, iaitu:

- Keluarga Bahasa Dusun;
- Keluarga Bahasa Murut;
- Keluarga Bahasa Bajau;
- Keluarga Bahasa Paitan; dan
- Keluarga Bahasa Tidong.


Namun demikian, Asmah Haji Omar (1985: 94) dalam bukunya *Susur Galur Bahasa Melayu* telah mengelompokkan bahasa-bahasa etnik Sabah kepada tiga subkeluarga bahasa, iaitu:

- Subkeluarga Bajau;
- Subkeluarga Illanun; dan
- Subkeluarga Murut-Dusun

Walau apa pun pengelompokan yang diberikan, namun

bahasa-bahasa etnik di Sabah ini tergolong ke dalam keluarga bahasa Austronesia. Keluarga bahasa Austronesia yang terdapat di Sabah ini tergolong dalam *North-West Austronesian Superstock* yang mengandungi *Borneon Stock*. Dalam *Borneon Stock* ini terdapat tiga keluarga bahasa, iaitu keluarga bahasa Dusun, Paitan dan Murut. *North-West Austronesian Superstock* diwakili oleh bahasa Lundayeh, Banggi, Illanun (Iranun) dan Suluk serta Bugis, subkeluarga Ida'an, Melayu dan keluarga bahasa Bajau dan juga *Borneon Stock*. Susur-galur bahasa-bahasa etnik di Sabah yang dilakukan oleh *Summer Institute of Linguistics* (SIL) adalah seperti yang ditunjukkan dalam rajah yang berikut. Namun pembahagian ini dari sudut linguistik dan sosiopolitik masih tidak dapat dipertahankan serta masih diragui.

Dyen (1965) mengklasifikasikan bahasa-bahasa etnik di Sabah seperti yang berikut:



Manakala Prentice (1970) menggolongkan semua bahasa etnik di Sabah sebagai Ida'an. Klasifikasi yang dibuat oleh Prentice itu dapat dilihat dengan jelas dalam rajah yang berikut: